

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N28 KOMTAR

Salam sejahtera saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan salam persidangan buat semua. Terlebih dahulu, saya ingin menzahirkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang berucap meskipun tempohnya singkat.

Ucapan saya akan berkisarkan dua tema utama yakni

- **Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains dan Teknologi, serta**
- **Infrastruktur dan Pengangkutan.**

Tuan Yang di-Pertua,

Pulau Pinang adalah negeri yang utuh modal insan dengan kadar literasi belia 99.5%. Melalui peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang ditambah pelaburan asing langsung (FDI), Pulau Pinang menerajui percambahan ekonomi tiga tahun berturut-turut dengan sumbangan 6.8% KDNK negara setakat 2021. Oleh itu, daya tahan negeri mendepani kejutan ekonomi seperti wabak COVID-19 tidak dipersoalkan.

Namun begitu, impak kepada golongan rentan tidak boleh menafikan. 600 ribu isi keluarga M40 telah jatuh ke B40. Ramai terjerumus ke golongan miskin tegar. Kanak-kanak keciciran pendidikan asas. Akses pendidikan kekal terjejas meskipun pelbagai inisiatif yang terlaksana kerana tekanan luaran yang membelenggu sehingga gagal memenuhi potensi diri. Kos pengangkutan serta sara hidup masih membahang kerana pelbagai faktor hulu dan hiliran luar jangka. Kesemua ini menggumpal kepada keperitan hidup golongan rentan yang terus menjangkau cakupan Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya sebenarnya tidak gemar memetik angka rasmi kerana lazimnya tidak menyingkapi apa yang dirasakan masyarakat di luar dewan ini. Kami sebagai golongan belia dapat merasai cabaran sara hidup meskipun angka rasmi melaporkan sebaliknya. Jika kami dapat merasakan kegusaran sebegini, semestinya golongan rentan sedang menunggu dewan ini mengangkat mereka ke taraf yang jauh lebih bermaruah. Dengan izin, *let us do something so that these vulnerable groups will not continue to be shackled by circumstances for times to come.*

Saya ingin menyeru beberapa perkara seperti berikut. Pertama sekali, saya sedar bahawa pendidikan tertakluk di bawah Kerajaan Persekutuan melalui Jadual Kesembilan. Namun, aspek seperti perpustakaan negeri adalah tertakluk pada naungan Kerajaan Negeri. Oleh itu, saya menggesa agar Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang meluaskan akses pelajar kepada bahan ilmiah melalui perpustakaan bergerak. Bahan tersebut dapat disediakan melalui suntikan dana tambahan Kerajaan Negeri dan perpustakaan bergerak ini perlu ditempatkan di sekolah serta kawasan dengan bancian penduduk berpendapatan isi rumah B40 sehingga M2 M40. Hal ini dapat menumpukan penawaran bahan rujukan berkualiti kepada pelajar yang keluarganya kesukaran untuk membeli buku. Menyedari juga kaedah baucar buku adalah kurang efektif kerana bersifat *one-off*, dengan izin, kaedah pinjaman dapat menggalakkan pelajar menekuni sumber kerana mereka tidak memilikinya secara kekal, sekali gus, meningkatkan peluang mereka menelaah pelajaran bersama rakan untuk pembelajaran yang lebih efisien dan menggunakan prasarana ilmiah awam secara lebih meluas.

Bagi memastikan kapasiti pelajar dalam bidang sains dan teknologi kekal tinggi, pihak *Tech Dome Penang* dan *Penang Science Council* digesa menggiatkan usaha penganjuran inisiatif bagi menggalakkan STEM. Anggaran menunjukkan hanya 1 dalam 5 pelajar bakal menceburi bidang STEM dan amat merugikan jika belia Pulau Pinang tidak diasuh untuk memenuhi kapasiti perindustrian pesat sedia ada. Agensi ini juga boleh berkolaborasi dengan IPT berteraskan STEM seperti USM bagi menganjurkan pelbagai program negeri khususnya dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP). Program sedemikian berpotensi menjadi projek rintis yang mampu diluaskan ke seluruh negara jika mendapat kerjasama agensi berwajib bagi mencambahkan bakat tempatan kita ke arah STEM.

Tuan Yang di-Pertua,

Tidak juga dilupakan rakyat bukan belia. Pembangunan yang pesat menjurus kepada kos sara hidup yang semakin mencengkam rakyat yang gajinya tidak meningkat sejajar. Oleh itu, saya menyeru Kerajaan Negeri agar Pas Mutiara ini diteruskan dengan insentif yuran pembaharuan pas yang lebih murah untuk tempoh yang lebih panjang diberikan kepada golongan B40 sehingga M2 M40. Pelajar juga wajar dirangkum dalam pelan ini untuk mengurangkan kos sara hidup mereka dan perlu disokong dengan lebih kawasan perhentian yang mencakupi kawasan kunjungan awam seperti pasar tani, universiti serta perpustakaan awam bagi melengkap cadangan akses pendidikan tadi. Selain itu, kemudahan memperbaharui pas juga boleh dilaksanakan secara dalam talian melalui e-dompet atau perbankan dalam talian untuk memudahkan bakal penumpang dan penumpang kerap.

Akhirulalam, saya ingin mengingatkan semua bahawa suara kita bukanlah cerminan kehendak peribadi tetapi rangkuman harapan warga yang telah mewakili kita ke dalam dewan ini. Mereka yang terkesan perlu terus dibela oleh Kerajaan Negeri supaya semua rakyat dapat meneruskan pelajaran atau hidup mereka dengan baik dan lebih penting lagi, bermaruah. Janganlah kita terkial-kial mengejar pembangunan semata-mata sehingga golongan rentan yang merintih kesukaran dipinggirkan. Tiba masanya untuk Kerajaan Negeri lebih agresif melaksanakan dasar prorakyat dalam kala negeri ini semakin makmur dan maju. Menerjemah petikan Franklin Roosevelt, ujian terhadap kemajuan kita bukanlah sama ada kita menambah lagi limpahan rezeki kepada yang senang, tetapi sama ada kita memberi secukupnya kepada yang kurang berada. Semoga ini menjadi pedoman kita untuk berkhidmat demi rakyat yang kita perjuangkan, demi masyarakat yang lebih bersatu serta lebih sejahtera bersama.

Terima kasih.

Jason Kng Wei Liang

N28 Komtar

Sidang Muda 2022/23